

04 DEC 1997

Mahathir-Jambatan

PROJEK JAMBATAN UTARA DITERUSKAN, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 4 Dis (Bernama) -- Malaysia akan meneruskan projek pembinaan jambatan darat berharga RM10 bilion yang menghubungkan utara semenanjung Malaysia dan selatan Thailand walaupun menghadapi kemerosotan nilai ringgit, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Projek yang dicadangkan itu akan menghubungkan bahagian selatan pulau Langkawi di sini dengan beberapa bahagian di Thailand dan utara semenanjung Malaysia melalui rangkaian jalan darat, jalan keretapi dan saluran paip.

Dr Mahathir menyifatkan projek itu sebagai berdaya maju dalam usaha mengurangkan kesesakan di Selat Melaka.

"Kita merancang untuk membina sebuah jambatan darat agar kita tidak lagi perlu melalui Selat Melaka," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada sesi dialog dengan para peserta Persidangan Maritim Antarabangsa Malaysia selepas merasmikannya di atas kapal MV Star Pisces yang berlabuh di jeti Star Cruises di Tanjung Malai di sini.

Beliau berkata projek itu akan dijalankan dengan kerjasama kerajaan Thailand dan Indonesia di bawah Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Ia akan membolehkan pemindahan minyak dari sebuah kapal tangki di pantai barat Semenanjung Malaysia menerusi saluran paip kepada sebuah kapal tangki yang menunggu di pantai timur semenanjung untuk eksport ke negara lain seperti Korea Selatan, China, Taiwan dan Jepun tanpa perlu melalui Selat Melaka, katanya.

"Jika kamu datang ke selatan Langkawi untuk berlabuh di sebuah pelabuhan yang akan dibina, minyak boleh dipindahkan ke jalan, landasan keretapi dan saluran paip yang dihubungkan ke pelabuhan lain di pantai timur," katanya.

Ia boleh juga dilakukan dari pantai timur ke pantai barat, katanya.

Dr Mahathir berkata sebahagian kemudahan itu seperti rangkaian landasan keretapi dan jalan raya sudah sedia ada.

Beliau berkata pembinaan saluran paip yang sedang dilaksanakan bagi projek pengedaran gas Semenanjung perlu disiapkan untuk melengkapkan pusingan itu agar ia dipasang di seluruh semenanjung.

Pada satu peringkat ia akan melalui bahagian tertentu di Thailand, katanya.

"Kita telah mengadakan rundingan dengan syarikat perkapalan Jepun dan mereka sangat berminat...bahkan mereka juga berminat untuk turut serta dalam projek ini," katanya.

Dr Mahathir berkata bahagian yang paling sempit di Selat Melaka adalah selebar 32 km dan terdapat beberapa bahagian yang agak cetek untuk menjadikan laluan perairan yang paling sibuk di dunia itu semakin berbahaya.

Beliau berkata Malaysia terpaksa mengawasi selat itu dan membelanjakan sejumlah wang untuk membersihkannya apabila berlaku tumpahan minyak.

"Kita mahu mengelak bencana ini daripada berlaku di Selat Melaka," katanya ketika menjelaskan mengenai perlunya projek jambatan darat itu berikutan peningkatan permintaan bagi minyak di masa akan datang.

"Kejatuhan nilai ringgit tidak bererti kita tidak boleh membina jambatan darat itu," katanya.

Menjawab soalan lain semasa dialog itu, Dr Mahathir berkata terdapat sinergi antara pembangunan industri maritim dan Koridor Raya Multimedia

(MSC) kerana industri perkapalan sudah pasti mahu menggunakan lebih banyak maklumat dan penghantaran cepat maklumat itu.

MSC seluas 750 km persegi selatan dari Kuala Lumpur dikhususkan kepada pembangunan perkhidmatan dan produk multimedia.

Mengenai penguatkuasaan Skim Pengasingan Lalulintas di Selat Melaka, beliau berkata Malaysia telah memasang radar di sepanjang pantai barat semenanjung dan mengendalikan pengawasan kapal yang melalui selat itu.

Skim itu, yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa tiga bulan lalu, membenarkan pengasingan antara kapal yang berulangalik di selat itu.

Mengenai kekurangan kakitangan maritim di negara ini, Dr Mahathir berkata usaha sedang dilakukan untuk menambah bilangannya menerusi penubuhan lebih banyak institusi pengajian tinggi dan program berkembar dengan universiti luar negara. -- BERNAMA

JM AKD